

NAMA: _____

TAHUN: _____

NILAI BAIK HATI (TAHUN 6)

- A. Tandakan (/) pada ayat yang menunjukkan sikap positif dan membantu orang yang berada di sekeliling .

1	Selepas kematian Sarjan Zailan, isteri dan anak-anaknya tidak pernah mendapat sebarang bantuan kewangan daripada mana-mana pihak.	☐
2	Kamala diterima masuk ke sekolah berasrama penuh atas surat sokongan daripada wakil rakyat yang ditemuinya.	☐
3	Walaupun Manaf lebih muda dan gagah, namun dia tidak memberikan tempat duduknya kepada wanita mengandung yang sedang berdiri di dalam bas.	☐
4	Doktor Aida memberi perkhidmatan rawatan percuma kepada penduduk Kampung Harum Manis.	☐
5	Penduduk kampung menolong keluarga Daud menguruskan upacara pengebumian ayahnya.	☐

- B. Isikan peta di bawah dengan jenis-jenis bencana yang boleh kita hulurkan sumbangan (cari contoh di dalam buku teks (nilai baik hati))

Peta Bulatan

i-THINK

Jenis-jenis Bencana

Tahap Penguasaan	5	Murid mengamalkan sikap rela menghulurkan bantuan kepada yang memerlukan dalam kehidupan seharian.	☐ Menguasai	☐ Belum menguasai
Tahap Penguasaan	6	Murid mengamalkan sikap rela menghulurkan bantuan kepada yang memerlukan dalam kehidupan seharian dan boleh dicontohi.	☐ Menguasai	☐ Belum menguasai

C. Pilih jawapan yang paling tepat

2 1 Mengapakah kebanyakan jiran tetangga pada zaman sekarang kurang menghulurkan bantuan kepada jiran mereka?

A Sibuk dengan hal masing-masing
B Mengamalkan sikap pilih kasih
C Suka mencampuri hal orang
D Kurangnya sifat prihatin

2 Rumah rakan sekelas Hamdi terbakar semalam. Apakah yang boleh Hamdi lakukan untuk membantu rakannya itu?

A Menangis kerana sedih
B Membuat kutipan derma kilat
C Mengajak rakannya keluar makan
D Membina rumah baharu untuk rakannya

3 Berikut merupakan cara-cara memberi sokongan kepada pesakit kronik, **kecuali**

A sering melawatnya.
B menyisihkan mereka.
C memberi kata-kata semangat.
D memberi sumbangan kewangan.

4 Apakah kesan jika kita mengamalkan sifat prihatin dalam diri?

A Disenangi orang lain
B Dilabel sebagai penyibuk
C Sering runsing memikirkan masalah
D Mengalami masalah kewangan kerana sering membantu orang lain

5 Berikut merupakan cara seseorang menunjukkan keprihatinan terhadap bebanan orang lain, **kecuali**

A bertanya khabar.
B menghulurkan bantuan.
C sudi mendengar masalah.
D menjalani kehidupan sendiri.

D. Isikan tempat kosong dengan jawapan yang betul

beban

ikhlas

sentosa

Berbakti

Sumbangan

- 1 _____ yang dihulurkan oleh rakyat Malaysia telah banyak mengurangkan bebanan mereka.
- 2 Setiap bakti yang dilakukan perlulah dilaksanakan dengan perasaan yang _____.
- 3 Rakyat Malaysia terdiri daripada pelbagai kaum yang hidup dengan aman dan _____ kerana sikap mereka yang penyayang dan baik hati.
- 4 "_____lah kepada orang-orang tua dan mereka yang kurang bernasib baik," pesan Cikgu Ramzan.
- 5 Kita sepatutnya berasa simpati dengan _____ dan masalah yang ditanggung oleh mereka.